

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 30 MAC 2016, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1341-L72816
Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap keselamatan termasuk prasarana anggota keselamatan bagi seluruh Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) walaupun tiga tahun sudah berlalu sejak peristiwa pencerobohan kumpulan pengganas di Kampung Tanduo, Lahad Datu.
2. PR-1341-L73254
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat yang semakin tinggi kini.
3. PR-1341-L72954
Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah perancangan atau inisiatif Kementerian bagi menjadikan Pulau Langkawi sebagai Pulau Berkarbon Rendah seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada tahun lepas.
4. PR-1341-L73017
Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan harga dan sebab perbezaan harga yang ketara bagi kelapa sawit dan getah antara negeri di Malaysia dan antara negara di Asia Tenggara. Apakah langkah Kerajaan dalam membantu sektor kelapa sawit dan getah yang mengalami kemerosotan harga.
5. PR-1341-L73606
Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah peranan Kementerian bagi menapis serangan, tohmahan serta fitnah terutamanya di laman sosial yang semakin berleluasa terhadap kepimpinan Kerajaan pada masa kini yang jelasnya lebih banyak mendatangkan kemudaratan kepada negara.

6. PR-1341-L71678
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah Kementerian bersama Kementerian lain akan mengeluarkan Sijil Kelayakan Kerja (*Certificate of Competency*) kepada lulusan Vokasional (MLVK) dan Kolej Vokasional sebagaimana sijil yang diberi kepada pendawaian elektrik dan dendang (*boiler*) bagi membolehkan mereka memasuki bidang pekerjaan dengan penuh yakin dan dapat bertanding dengan pekerja asing.
7. PR-1341-L71842
Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan dalam menggunakan teknologi terkini bagi menjalankan pengawasan dan pemantauan aktiviti pembalakan haram dan pencerobohan hutan di negara kita dengan lebih berkesan.
8. PR-1341-L72204
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan atas dasar apa tambang pengangkutan awam seperti ERL, KTM, LRT dinaikkan secara drastik.
9. PR-1341-L72513
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah isu pekerja asing ini dapat diselesaikan memandangkan masih ramai rakyat Malaysia khususnya belia di luar sana yang ingin menceburi kerja-kerja yang bersifat 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*).
10. PR-1341-L72073
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prospek dalam merealisasikan visi untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020 sedangkan kita berdepan dengan ekonomi yang suram.
11. PR-1341-L72243
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan jangka panjang pihak Kementerian dalam membantu penoreh - penoreh getah kecil dalam membantu mereka dalam membiayai kos sara hidup yang semakin tinggi pada masa kini. Bagaimanakah mekanisme subsidi harga getah yang boleh dituntut oleh penoreh getah.
12. PR-1341-L72082
Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian Dasar Tenaga Negara 2010 terutama berkaitan sasaran bekalan, penggunaan dan alam sekitar serta perancangan, jika ada, untuk mengemas kini dasar tersebut atau memperkenalkan dasar baharu demi mengambil kira peranan tenaga alternatif lain seperti nuklear.

13. PR-1341-L71740
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan mempunyai Pangkalan Data (*Database*) anak-anak yang berumur tujuh tahun ke atas yang bersekolah di Sekolah Agama, Pondok atau Tahfiz yang didaftarkan di bawah penyeliaan kerajaan negeri ataupun belum berdaftar lagi; dan
 - (b) jika tiada, adakah Kementerian akan menyediakan pangkalan data tersebut dengan kerjasama pihak Penyeliaan kerajaan negeri-negeri di seluruh Malaysia bagi memastikan setiap anak-anak yang berumur tujuh tahun ke atas mendapat pendidikan yang baik dan komprehensif selari dengan Dasar Pendidikan Negara dan Pendidikan Islam yang tersusun.
14. PR-1341-L72972
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah bayaran balik khas (*special refund*) yang telah diproses, dilulus dan dipulangkan kepada peniaga yang telah berdaftar di bawah GST bagi mengelakkan percukaian berganda (*double taxation*) dalam kutipan cukai SST dan GST.
15. PR-1341-L73267
Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah panjangnya jalan luar bandar yang akan dibina di Sarawak dalam RMK11.
16. PR-1341-L73401
Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) apakah Kementerian bersedia untuk menilai semula penubuhan Jabatan Galian sepertimana beberapa tahun dahulu agar Kementerian dapat memastikan segala aktiviti perlombongan akan berjalan mengikut kaedah-kaedah dan undang-undang yang ditetapkan. Dengan keadaan sedemikian, kemusnahan alam sekitar dapat diminimalkan dan pencemaran serta keselamatan masyarakat lebih terjamin; dan
 - (b) apakah Kementerian bersetuju memanjangkan moratorium pengeksporan bauksit hingga kaedah-kaedah dan undang-undang baginya disiapsempurnakan oleh pihak Kerajaan. Apakah Kementerian bersedia untuk membincang garis panduan ini dengan pihak-pihak berkepentingan.
17. PR-1341-L71863
Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk merombak semula Panduan Penulisan dan Spesifikasi Teknikal Buku Teks yang sedia ada bagi mempertingkatkan kualiti buku-buku teks sekolah yang diterbitkan apabila kesilapan dan kesalahan penerbitan buku masih berlaku.

18. PR-1341-L72838
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk menggubal undang-undang supaya kanak-kanak yang dilahirkan di luar Persekutuan dan semasa kelahirannya ibunya merupakan warganegara Malaysia, boleh didaftarkan sebagai warganegara Malaysia *operation of law*.
19. PR-1341-L72249
Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah kedatangan pelancong tempatan dan asing ke Kelantan sepanjang 2015 dan apakah strategi Kementerian dalam usaha mempromosikan produk pelancongan di Kelantan agar mampu mempertingkatkan kemajuan ekonomi rakyat Kelantan.
20. PR-1341-L72136
Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci jumlah pengundi-pengundi baru yang telah didaftarkan dan jumlah pengundi layak tetapi masih belum didaftarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk tempoh 2013 dan 2015. Apakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula dan membawa pindaan undang-undang untuk penambahbaikan sistem pendaftaran pemilih di Malaysia.
21. PR-1341-L71691
Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status projek solar hibrid di Punan Bah dan Long Urun.
22. PR-1341-L72463
Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah penjimatan yang ditetapkan untuk dipatuhi oleh semua Kementerian selain daripada ketetapan untuk tidak lagi menggunakan penerbangan kelas pertama bagi urusan ke luar negara.
23. PR-1341-L72862
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian serta ketetapan Kerajaan keatas tekanan oleh segolongan kumpulan yang mendesak agar sekolah jenis kebangsaan (*Vernacular School*) ditutup untuk memberi laluan kepada sekolah kebangsaan sahaja.
24. PR-1341-L73415
Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan levi pekerja asing dan sekiranya ya, apakah implikasi daripada tindakan tersebut.

25. PR-1341-L72015
Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah bantuan atau insentif untuk jangka masa pendek yang dapat diberikan kepada penoreh-penoreh getah bagi menampung kos hidup berikutan harga getah yang rendah contohnya seperti insentif RM200 kepada penoreh-penoreh seperti yang diberikan kepada nelayan-nelayan atau adakah Kementerian mempunyai cara atau strategi untuk mengatasi masalah harga getah yang rendah ini untuk jangka masa panjang.
26. PR-1341-L72769
Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini perundingan terima masuk ke IPTA berasaskan sijil UEC seperti yang ditujukan oleh Ketua Menteri Sarawak. Nyatakan secara terperinci hasil perundingan semenjak ia dibangkitkan oleh Ketua Menteri Sarawak serta langkah-langkah positif yang telah dikenal pasti serta jangka masa yang ditentukan demi mencapai pengisytiharan UEC oleh IPTA.
27. PR-1341-L72199
Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejumlah 1.5 juta pekerja Bangladesh yang akan dibawa masuk melalui G2G ke dalam negara, apakah pecahan sektor-sektor yang akan menggunakan khidmat pekerja Bangladesh ini.
28. PR-1341-L73495
Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pelarian Syria daripada 3000 orang yang diumumkan oleh Kerajaan akan diberi perlindungan politik dan diterima di Malaysia.
29. PR-1341-L71913
Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan komitmen serta pelan perancangan khusus pihak kementerian dalam bidang pertanian terhadap daerah Segamat dan kawasan Sekijang khususnya selepas daerah ini diumumkan sebagai kawasan pertanian negeri Johor oleh Menteri Besar Johor.
30. PR-1341-L71819
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan rezab dan aliran tunai Lembaga Tabung Haji sehingga kini dan nyatakan pelaburan-pelaburan yang disertai Tabung Haji dan keupayaannya untuk membayar dividen kepada ahli-ahli serta jumlah bilangan ahli yang masih belum mendapat giliran menunaikan fardhu haji.
31. PR-1341-L73297
Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rasional membawa masuk 1.5 juta warga Bangladesh ke Malaysia.

32. PR-1341-L71668
Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menetapkan pelaburan KWSP ke dalam syarikat yang patuh syariah. Kalau tidak, mengapa.
33. PR-1341-L73175
Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah 380MW loji penjanakuasa gas berapi akan dibina di Sandakan seperti dikatakan oleh Menteri. Jika ia, berapa kos pembinaan tersebut dan bila projek tersebut akan di siap bina. Tender projek ini akan ditawarkan kepada syarikat apa.
34. PR-1341-L73169
Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha yang telah dan sedang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menjamin keselamatan binatang-binatang liar kerana kemalangan yang membabitkan kenderaan dan harimau di Lebuhraya Pantai Timur (LPT) baru-baru ini, boleh memberikan gambaran bahawa habitat hidupan liar ini telah terancam dengan pembangunan yang dilaksanakan.
35. PR-1341-L72325
Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian dalam usaha menangkis penyebaran cerita dan penerangan yang salah dan mengelirukan rakyat oleh sesetengah pihak menerusi berbagai media yang telah menimbulkan kebimbangan serta kekusaran rakyat terhadap isu Bumiputera, SME, beras, pekerjaan dan lain-lain apabila kita menandatangani TPPA bersama 11 negara lain.
36. PR-1341-L73073
Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah alasan sebenar dan rasmi yang digunakan oleh Peguam Negara bagi memutuskan bahawa Perdana Menteri dikatakan tidak melakukan apa-apa kesalahan kerana menerima wang RM 2.6 bilion dari penderma dan menerima wang RM42 juta dari SRC International Sdn Bhd yang mana kedua-dua wang itu telah dimasukkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri; dan
 - (b) dimanakah jumlah baki RM 570 juta yang Perdana Menteri terima dari penderma setelah Peguam Negara menyatakan bahawa daripada jumlah wang derma RM 2.6 bilion yang Perdana Menteri terima, hanya RM2.03 bilion yang dipulangkan semula kepada penderma pada bulan Ogos 2013.

37. PR-1341-L71957
Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah tindakan terhadap syarikat-syarikat yang beroperasi tanpa lesen yang menjalankan aktiviti '*Money Game Rolling*' tetapi bersembunyi di sebalik produk *forex*, hartanah, MLM (jualan langsung) atau sebagainya. Aktiviti-aktiviti mereka yang aktif sama ada menerusi Facebook atau Whatsapp namun tiada tindakan yang diambil. Apakah Kementerian ada menyenaraikan serta menghebahkan kepada umum senarai syarikat-syarikat tersebut.
38. PR-1341-L72030
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) rangka pelan tindakan memulihkan pencemaran pantai di perairan Kuantan akibat daripada perlombongan bauksit yang telah menjejaskan mata pencarian nelayan pantai ; dan
 - (b) berapa lamakah jangka masa yang diperlukan untuk memulihkan semula pencemaran di pesisiran pantai ke tahap seperti di awal sebelum pencemaran.
39. PR-1341-L71652
Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikutan baru-baru ini Kementerian telah menandatangani MOU bersama badan antarabangsa *Drugs For Neglected Diseases Initiative (DNDI)*" untuk melakukan percubaan klinikal ubat generic Hepatitis C bersama 400 pesakit apakah langkah-langkah Kementerian memastikan kemasukan ubat *Sofosbuvir* untuk percubaan klinikal ini serta seterusnya merawat rakyat dan adakah lesen wajib di bawah fleksibiliti TRIPS akan digunakan untuk tujuan ini.
40. PR-1341-L73248
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan strategi bagi mengatasi kadar pengangguran dalam kalangan graduan universiti.
41. PR-1341-L72376
Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kesediaan Kementerian dalam menggunakan khidmat koperasi-koperasi komuniti untuk kerja-kerja pengagihan beras di bawah Program MyBeras.
42. PR-1341-L72818
Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah aduan berkaitan isu telekomunikasi menerusi Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi tahun 2012, 2013, 2014, 2015 dan tiga bulan pertama tahun 2016.

43. PR-1341-L71788
Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan ekonomi negara terus kukuh walaupun berdepan dengan kejatuhan harga minyak global. Apakah Kerajaan mempunyai rancangan pemulihan pasaran.
44. PR-1341-L73534
Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jenis subsidi yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil getah sawit, koko serta pekebun-pekebun kecil hasil komoditi yang lain.
45. PR-1341-L72293
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pencapaian perdagangan dua hala antara Malaysia dan Korea Selatan sejak 2013 hingga kini.
46. PR-1341-L73487
Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimanakah tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam mengawal harga barang yang masih tinggi walaupun harga minyak menunjukkan pola penurunan.
47. PR-1341-L72783
Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa jumlah warga Malaysia yang berhijrah ke Timur Tengah khususnya Syria dan Iraq untuk melibatkan diri dalam pergerakan Daesh, kalau dibuat perbandingan berdasarkan bilangan penduduk negara, adalah beberapa kali ganda jumlah warga Indonesia yang sama.
48. PR-1341-L71746
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peraturan yang perlu dipatuhi bagi transaksi wang berjumlah besar ke dalam dan ke luar Malaysia.
49. PR-1341-L72537
Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah statistik jumlah penagih dadah yang telah dikenalpasti mengikut negeri dan kumpulan umur sehingga sekarang; dan
 - (b) sejauh manakah AADK akan memberi tumpuan terhadap pendidikan sejak prasekolah tentang penyalahgunaan dadah untuk membendung masalah ini di peringkat akar umbi lagi.

50. PR-1341-L72277
Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan faktor sebenar harga barangan dalam negeri masih mahal sedangkan harga minyak terkini terlalu rendah (USD 30 setong).
51. PR-1341-L72628
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan modus operandi aplikasi penggunaan Daftar Nama Pesalah Jenayah Seksual secara automatik dalam Akta Perlindungan Kanak-Kanak 2001.
52. PR-1341-L73523
Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah ciri-ciri keselamatan tambahan yang akan diadakan bagi eskalator atau peralatan kemudahan awam untuk mengelakkan kemalangan.
53. PR-1341-L73370
Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan banyak dasar pertanian yang telah dirumuskan semasa konvensyen termasuk yang terbaru sebelum MAHA 2016 namun mengapa banyak rumusan konvensyen tersebut tidak dilaksanakan.
54. PR-1341-L72943
Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah Peruntukan Pembangunan yang telah disalurkan kepada daerah Penampang sejak Januari 2013 hingga ke Januari 2016 dan jika jumlah tersebut telah digunakan dengan sepenuhnya.
55. PR-1341-L71709
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah peminjam yang berjaya mendapat pinjaman daripada 6 panel institusi kewangan yang bekerjasama dengan PRIMA dalam menawarkan kemudahan pinjaman kepada bakal-bakal pembeli rumah PRIMA; dan
 - (b) jumlah rumah PRIMA yang telah siap dibina dan jumlah pembeli yang telah lulus pinjaman perumahan mereka.
56. PR-1341-L72422
Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Syarikat IPIC dari Abu Dhabi telah membuat 'asset for debt swap' dengan 1MDB sebanyak RM16 bilion:-
- (a) apakah aset yang diganti tukar untuk mengambil alih hutang tersebut; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan mengeluarkan IOU *instruments*, memberi projek lain kepada IPIC.

57. PR-1341-L72148
Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah peminjam Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang masih belum menjelaskan hutang mengikut bangsa sehingga Disember 2015.
58. PR-1341-L72100
Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dibentuk pada tahun 1971 telah dibentangkan, dibahas dan diluluskan di Parlimen sebelum diterima pakai.
59. PR-1341-L73052
Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah mekanisme kawalan harga yang dilakukan oleh Kementerian setakat ini berhasil dan bagaimana Kementerian menangani masalah bekalan makanan yang tidak mencukupi terutamanya pada musim perayaan.
60. PR-1341-L72230
Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan fungsi perkhidmatan 2 kapal selam Scorpene KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Razak dalam menjaga keselamatan pengairan negara daripada pencerobohan, jumlah kos penyelenggaraan keduanya dan adakah keduanya terlibat dalam misi pencarian pesawat MH 370.
61. PR-1341-L72561
Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimanakah undang-undang yang sedia ada dapat membantu mangsa penipuan oleh kontraktor ubah suai rumah. Berdasarkan laporan tahunan Pusat Khidmat Aduan Pengguna (NCCC), aduan tentang sektor perumahan terutamanya isu ubah suai rumah oleh kontraktor mencatatkan kedudukan kedua paling tinggi iaitu 19.4%.
62. PR-1341-L72789
Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap cadangan-cadangan reformasi amalan Parlimen yang disarankan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan sejauh manakah perlaksanaan yang telah diambil oleh Kerajaan serta alasan-alasannya.
63. PR-1341-L72420
Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan setakat ini berapa banyakkah laman web judi dalam talian disekat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

64. PR-1341-L73079
Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah peruntukan yang telah diluluskan untuk sekolah yang akan melaksanakan Sistem Pendidikan Abad ke 21.
65. PR-1341-L73134
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) jumlah kedatangan pelancongan asing di negara ini pada tahun 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015.; dan
 - (b) jumlah pendapatan tukaran wang asing yang diterima pada tahun 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015.
66. PR-1341-L72355
Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan nama syarikat yang telah dilantik untuk melaksanakan pengurusan pendaftaran, penggajian dan pemulangan PATI Indonesia dan apakah proses perlantikan syarikat ini dilakukan dengan telus serta melibatkan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*).
67. PR-1341-L71734
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perkembangan pelaksanaan menara komunikasi yang dilaksanakan dan berapa buah menara yang dirancang untuk kawasan Parlimen Lawas.
68. PR-1341-L72285
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan cadangan Ketua Polis Negara untuk menaikkan kadar saman trafik bagi mendidik pesalah undang-undang jalan raya.
69. PR-1341-L73096
Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan dari isu 1MDB terhadap dasar-dasar fiskal negara.
70. PR-1341-L73619
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk membangunkan projek perumahan belia luar bandar yang terkandung dalam Pelan Tranformasi Luar Bandar di negeri Sarawak seperti di kawasan Parlimen Sibuti.

71. PR-1341-L73644

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sebagai sebuah negara yang bertambah maju, adakah perlu membuat dasar-dasar seperti berikut :-

- (a) semua pasar raya ditutup pada jam 7.30 malam, berapakah jumlah pengambilan pekerja asing yang dapat dikurangkan; dan
- (b) jika semua kedai makan hanya dibenarkan beroperasi sehingga jam 12.00 malam, berapakah jumlah pengambilan pekerja asing yang dapat dikurangkan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 36/2015) | Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 2. | (D.R. 30/2015) | Rang Undang-undang Syarikat 2015 | “ |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan] | |
| 3. | (D.R. 29/2015) | Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015. | “ |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan] | |
| 4. | (D.R. 34/2015) | Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 2015. | “ |
| | | [Menteri Dalam Negeri] | |
| 5. | (D.R. 37/2015) | Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2015 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 6. | (D.R. 39/2015) | Rang Undang-undang Kanak-Kanak (Pindaan) 2015 | “ |
| | | [Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] | |
| 7. | (D.R.9/2015) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 8. | (D.R.12/2015) | Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 9. | (D.R.1/2016) | Rang Undang-Undang Bekalan Gas (Pindaan) 2016 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |

10. (D.R.35/2015) Rang Undang-undang Persaingan “
(Pindaan) 2015

**[Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan]**

11. PR-1341-U72985
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pembangunan infrastruktur di negeri Sabah masih jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa negeri Sabah memerlukan lebih banyak dana demi untuk membangunkan kemudahan infrastruktur sekali di kawasan luar bandar serta keperluan-keperluan lain seperti masalah tebatan banjir, projek perumahan rakyat termiskin dan lain-lain. Dan mengambil maklum juga bahawa rakyat negeri Sabah juga beraspirasi seperti rakyat negeri Sarawak, sepertimana yang dinyatakan oleh YAB Tan Sri Adenan Satem (Ketua Menteri Sarawak) ingin memohon agar royalti minyak dapat dinaikkan kepada kadar 20%. Dan mengambil maklum juga, sekiranya royalti minyak dinaikkan pada kadar 20%, maka dengan lebih dana tersebut, kerajaan negeri Sabah akan dapat melaksanakan keperluan-keperluan di atas dengan lebih baik dan cepat lagi. Maka, bagi meredakan rungutan dan tuntutan rakyat negeri Sabah, maka Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan Malaysia menaikkan kadar royalti minyak bagi negeri Sabah kepada kadar 20% dan sekaligus membolehkan negeri Sabah membangun dengan lebih pesat lagi."

[Perdana Menteri]

12. PR-1341-U73002
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kesesakan Jalan Putatan merupakan rungutan hampir setiap pengguna jalan tersebut. Dan mengambil maklum juga bahawa Jalan Putatan merupakan sebahagian daripada rangkaian Jalan Pan Borneo Highway yang mana sepatutnya mendapat perhatian utama dan bebas kesesakan. Dan mengambil maklum juga, bahawa kesesakan Jalan Putatan juga disebabkan rekabentuk yang kurang baik di mana terdapat terlalu banyak U-Turn dan simpang, yang menjadi penyebab utama kelancaran aliran trafik selain menjadi punca kemalangan. Dan mengambil maklum juga, bahawa kesesakan Jalan Putatan dapat diatasi dengan membina sebatang Jalan Pantai (Coastal Highway) alternatif yang menghubungkan pekan Tanjung Aru dengan Pekan Kinarut. Dan mengambil maklum juga bahawa, sekiranya jalan pantai alternatif yang dimaksudkan dibina, ianya juga boleh membantu untuk mengelakkan hakisan pantai di sepanjang laluan tersebut. Dan mengambil maklum juga bahawa, untuk membina jalan baru sebagai laluan alternatif bagi Jalan Putatan akan menelan belanja yang besar terutama sekali bagi tujuan pampasan tanah yang dilalui."

Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan Malaysia hendaklah membina jalan pantai alternatif bagi Jalan Putatan demi untuk keselesaan rakyat yang menggunakan laluan tersebut."

[Menteri Kerja Raya]

13. PR-1341-U73023

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa keengganan Kerajaan Persekutuan untuk mengiktiraf keputusan Peperiksaan Unified Examination Certificate (UEC) telah menimbulkan banyak kontroversi dan masalah terutama sekali kepada pelajar dan ibu/bapa pelajar yang terlibat. Dan mengambil maklum juga bahawa Negeri Sarawak merupakan negeri pertama di negara ini yang mengiktiraf keputusan peperiksaan UEC sepertimana yang diumumkan oleh YAB Tan Sri Adenan Satem dan sekali gus membolehkan pelajar terlibat meneruskan pengajian mereka dengan tanpa halangan di negeri Sarawak, misalnya di Universiti Malaysia Sarawak. Dan mengambil maklum juga bahawa dengan keengganan Kerajaan Malaysia untuk mengiktiraf keputusan peperiksaan UEC, pelajar yang terlibat terpaksa meneruskan pendidikan mereka di luar negara dan seterusnya bekerja serta menetap di luar negara adalah merupakan kerugian besar negara sebagaimana yang ditekankan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak. Dan mengambil maklum juga, bahawa ramai pelajar dan ibu/bapa menganggap bahawa polisi untuk tidak mengiktiraf keputusan peperiksaan UEC ini bersifat diskriminasi di mana pelajar tersebut tidak berpeluang untuk berkhidmat dengan sektor awam di Malaysia.

Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan Malaysia hendaklah mengiktiraf keputusan peperiksaan Unified Examination Certificate bagi membolehkan pelajar yang terlibat meneruskan pendidikan mereka di negara ini serta berkhidmat di sektor awam di negara ini."

[Menteri Pendidikan]

14. PR-1341-U73036

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kualiti air Sungai Sembulan adalah amat tercemar dan tidak sihat sama ada bagi hidupan marin mahupun bagi ekosistem marin negara ini. Dan mengambil maklum juga bahawa Sungai Sembulan merupakan rangkaian akhir aliran air dari beberapa siri saliran dan parit daripada beberapa taman perumahan yang berpenduduk padat, sebelum aliran air dilepaskan ke laut. Dan mengambil maklum juga bahawa kebanyakan sistem merawat air kumbahan yang ada di kawasan perumahan yang terlibat tidak lagi efisien untuk merawat air kumbahan tersebut sebelum dilepaskan ke saliran-saliran atau parit-parit yang akhirnya mengalir ke Sungai Sembulan sebelum berakhir ke laut. Dan mengambil maklum juga bahawa sebahagian besar terumbu karang di sekitar perairan negeri Sabah telah musnah

disebabkan oleh aktiviti manusia seperti pelepasan air kumbahan yang tidak terawat ke laut. Diketahui bahawa kemusnahan terumbu karang (Coral Bleaching) merupakan satu daripada penyebab utama pemanasan global. Dan mengambil maklum juga bahawa negara Malaysia adalah merupakan salah sebuah negara penyokong dan pendokong gerakan United Nation Environment Programme (UNEP) sesuai dengan deklarasi Global Climate Change Conference, Copenhagen 2009. Maka, bagi menangani masalah isu ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan hendaklah menyediakan satu dana khas bagi tujuan pembinaan loji rawatan air kumbahan di sekitar Sungai Sembulan sebelum air sungai tersebut dilepaskan ke laut bagi menyelamatkan ekosistem laut negara ini."

[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]

15. PR-1341-U71877

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah mengambil maklum bahawa rang undang-undang harus digubal untuk mengelakkan kes penukaran agama kanak-kanak di bawah umur secara unilateral dengan adanya penguatkuasaan undang-undang yang sewajarnya serta berpadanan dengan nasihat Kabinet pada 2009 iaitu kanak-kanak dikekalkan agama asal mereka sebelum penukaran agama itu berlaku."

[Perdana Menteri]

16. PR-1341-U73419

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan akan membincangkan keberkesanan Malaysia mencegah serangan ganas."

[Menteri Dalam Negeri]

17. PR-1341-U71858

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Kerajaan mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 58 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Malaysia."

[Perdana Menteri]

18. PR-1341-U71862
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Kerajaan memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

19. PR-1341-U71883
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum serta menyedari bahawa Lembaga Tabung Haji adalah sebuah institusi kewangan yang penuh dengan kejayaan dan amat membanggakan rakyat Malaysia khususnya umat Islam. Institusi ini juga menjadi contoh untuk negara Islam yang lain ikuti. Maka ianya mesti dijaga dengan penuh ketelusan dan amanah. Sebarang penyelewangan wajib diambil tindakan pantas dan menyeluruh dan jika ianya runtuh maka orang yang mesti dipersalahkan ialah Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

20. PR-1341-U71884
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) sebuah pertubuhan yang mendapat sokongan umat Islam di Malaysia.

Yayasan ini tertegak dengan niat yang penuh suci bagi membangunkan ekonomi umat Islam di samping menolong mereka yang tidak bernasib baik. Oleh sebab itu sokongan berterusan dari individu dan institusi kepada Yayasan ini membuktikan umat Islam negara ini amat prihatin dengan apa yang terjadi dalam masyarakat Islam. Tetapi membiarkan segelintir individu mengambil kesempatan dari kejayaan Yayasan ini hendaklah dikutuk sekeras-kerasnya. Tindakan lembab oleh Menteri dan Kerajaan dalam memantau perjalanan kewangan Yayasan ini juga harus menerima celaan. Sepatutnya semua pihak yang membelanjakan wang YaPEIM bukan pada tempatnya walaupun 'legally right' tetapi tetap 'morally wrong', mesti bertanggung jawab dan meletakkan jawatan atas kadar segera."

[Perdana Menteri]

21. PR-1341-U71886

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum kehidupan rakyat makin dihipit dengan harga barangan yang makin naik dan tidak terkawal akibat pengenalan cukai GST dan pengecilan nilai Ringgit. Semua rakyat di setiap lapisan masyarakat amat merasai keadaan ini. Kerajaan harus bertindak berani seperti yang pernah dilakukan oleh Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bila negara menghadapi masalah ekonomi yang mencemaskan pada penghujung tahun 90an. Tindakan utama yang mesti diambil sekarang ialah dengan mengurangkan perbelanjaan di Jabatan Perdana Menteri dan Kerajaan mesti mengamalkan sikap berjimat cermat di semua peringkat pentadbiran negara."

[Menteri Kewangan]

22. PR-1341-U71888

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kementerian Pendidikan mengambil langkah-langkah segera supaya pelajar-pelajar kita mempunyai pengetahuan dan kebolehan bertutur dalam banyak bahasa terutamanya Bahasa Inggeris, Arab dan Mandarin akan membantu pelajar-pelajar kita bila meninggalkan alam persekolahan dan universiti nanti. Bahasa ini amat luas digunakan dalam kegiatan harian dan perniagaan dalam negeri dan luar negara. Majikan pasti akan mengambil pekerja yang berkebolehan lebih dari satu bahasa, kerana ianya akan menguntungkan majikan dalam banyak espek. Ketiga-tiga bahasa ini bukanlah sesuatu yang asing bagi kita. Kerajaan harus melihat bagaimana mengintegrasikan pengajaran bahasa-bahasa ini ke dalam sistem pendidikan yang sedia ada. Bayangkan seorang anak Malaysia fasih berbahasa Inggeris, Arab, Mandarin dan dapat mengungkapkan Bahasa Malaysia yang teratur. Sayang sekali apa yang kita sedia ada tidak dimanfaatkan untuk generasi akan datang."

[Menteri Pendidikan]

23. PR-1341-U71890

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum data jumlah pendatang asing yang berdokumen dan tidak berdokumen akan berbeza dari satu agensi kerajaan dengan agensi yang lain. Malah Menteri sendiri menjawab dalam Dewan Parlimen dengan menggunakan perkataan "ini anggaran". Ini bermaksud tiada siapa yang mempunyai data sebenar tentang berapa jumlah Bukan Rakyat Malaysia yang berada di sini. Ini amat membahayakan negara. Kerajaan mesti mengambil tindakan yang berterusan bagi mendaftar mereka yang tidak berdokumen. Tindakan mendaftar dengan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka adalah dua perkara yang berbeza. Yang penting adalah setiap manusia yang berada di negara ini mesti mempunyai dokumen. Tindakan segera mesti diambil dan mestilah berterusan."

[Menteri Dalam Negeri]

24. PR-1341-U72582

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk menghalang dan mengharamkan penjualan arak murahan (cheap liquor) secara mudah dan murah yang semakin berleluasa. Gejala pengambilan arak murahan ini menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti keganasan rumah tangga dan gengsterisme serta merosakkan organ dalaman. Di samping itu, kawalan dan penyeliaan terhadap kedai-kedai menjual arak perlu diketatkan. Masa penjualan arak dan lokasi minum arak perlu dikaji. Kawasan tempat awam seperti di taman awam dan taman permainan kanak-kanak, minum arak wajib diharamkan. Dewan ini juga wajib mempertimbangkan penubuhan Pusat Pemulihan Arak (PPA) di setiap negeri di Malaysia untuk membendung masalah minum arak yang semakin berleluasa di kalangan anak muda merentasi sempadan bangsa dan agama."

[Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

25. PR-1341-U72584

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk kes kematian di bawah tahanan Polis DiRaja Malaysia, keluarga si mati diberi kebenaran sepenuhnya untuk memperoleh Pakar Perubatan Forensik sendiri bagi mewakili pihak keluarga si mati semasa bedah siasat dijalankan."

[Menteri Dalam Negeri]

26. PR-1341-U72589

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam bagi menangani gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

[Menteri Pendidikan]

27. PR-1341-U72617

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan menggesa Kerajaan untuk menegakkan prinsip berkecuali sebagaimana yang ditetapkan dalam Non-Alliance Movement (NAM) dan menegaskan bahawa Malaysia tidak akan mengambil bahagian atau menghantar askar untuk menyertai gabungan tentera yang dipimpin Arab Saudi dalam serangan terhadap Yemen, Syria atau mana-mana negara di Timur Tengah."

[Menteri Luar Negeri]

28. PR-1341-U72624

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk membantu penganggur dengan menyediakan bantuan kewangan secara tunai sebanyak RM1200 sebulan untuk tempoh 3 bulan selepas diberhentikan. Skim ini membolehkan pekerja-pekerja yang menganggur menjamin sara hidup mereka sewaktu mencari pekerjaan baru."

[Menteri Sumber Manusia]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

| <u>TAHUN 2016</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|------------------------------|--|---------------------------------------|
| ST. 14 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Bagi Tahun 2015 | 30 Mac 2016 |
| ST. 19 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Bagi tahun 2014 | 30 Mac 2016 |
| ST. 21 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Bagi tahun 2014 | 30 Mac 2016 |
| ST. 28 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Bagi Tahun 2014 | 30 Mac 2016 |
| ST. 37 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia (USM) Bagi tahun 2014 | 30 Mac 2016 |
| ST. 39 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya (UM) Bagi Tahun 2014 | 30 Mac 2016 |
| ST. 41 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Bagi tahun 2014 | 30 Mac 2016 |
| ST. 43 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Bagi tahun 2014 | 30 Mac 2016 |